



d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

**MINIT MESYUARAT
BADAN KEBAIKAN SALATULLAHIM
KALI YANG KE 27**

**17hb FEBRUARI 2024
DEWAN MPAJ
JALAN PANDAN MEDAN UTAMA (JALAN H)
KG. PANDAN DALAM**

MINIT MESYUARAT AGUNG
BADAN KEBAJIKAN SALATULRAHIM KAMPUNG PANDAN
KALI KE-27 2024/2025

TARIKH : 17 Februari 2024 (Sabtu)
MASA : 9.00 pagi
TEMPAT : Dewan MPAJ,
Jalan Pandan Medan (Jalan H),
Kampung Pandan Dalam,
55100 Kuala Lumpur.

SENARAI KEHADIRAN

Senarai nama ahli Badan Kebajikan Salatullahim (BKS) yang hadir adalah seperti di **Lampiran 1**.

UCAPTAMA

1.0 Ucapan Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Pandan & Perasmian Mesyuarat Agung Badan Kebajikan Salatullahim Kampung Pandan (BKS) Kali ke-27 2024/2025

- 1.1 Ucapan Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim 2022/2023, Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid
- 1.2 Ucapan Perasmian oleh Tuan Syed Abdul Halim bin Syed Harman, Pengerusi MPKK. Antara kandungan ucapan beliau termasuk memberikan penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim bagi tahun 2022/2023, serta berharap barisan kepimpinan tersebut boleh diteruskan bagi penggal seterusnya.
- 1.3 Penyampaian Anugerah Jasamu Dikenang kepada empat (4) orang jawatankuasa dan mantan jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim:
 - 1.3.1 Tn Haji Kassim bin Mohammad, mantan Timbalan Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim 2019-2022
 - 1.3.2 Tn. Haji Saleh Bin Husin, mantan Bendahari Badan Kebajikan Salatullahim 2014-2023
 - 1.3.3 Tn. Hj. Hasan bin Muhammad, AJK Badan Kebajikan Salatullahim
 - 1.3.4 Kapt (B) Tn. Hj Alias Shafie, pelopor (*pioneer*) Badan Kebajikan Salatullahim
- 1.4 Penyampaian cenderahati kepada Tn. Syed Abdul Halim bin Syed Harman oleh YDP Badan Kebajikan Salatullahim oleh Tn. YDP Badan Kebajikan Salatullahim Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid.

MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

2.0 Membentangkan dan Mengesahkan Laporan Minit Mesyuarat Agung Badan Kebajikan Salatullahim (BKS) kali ke-26

- 2.1 Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim, Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid meminta Ahli Mesyuarat untuk mencadangkan dua orang pencatat minit bagi memastikan kelancaran Mesyuarat Agung dapat dijalankan dengan lancar dan teratur.
- 2.2 Mesyuarat telah mencadangkan Saudari Adlin Khalida Fathanah binti Kamarul Ariffin dan Saudari Dinie Sorfina Fathanah binti Kamarul Ariffin sebagai Pencatat Minit dan disokong sebulat suara oleh Ahli Mesyuarat.
- 2.3 Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim, Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Badan Kebajikan Salatullahim Kampung Pandan (BKS) kali ke-26 2022/2023 dari muka surat 9 – 17.
- 2.4 Minit Mesyuarat yang lalu telah dicadangkan untuk disahkan serta disokong oleh :

Dicadang oleh : En. Samshor Baharin Bin Shamin (0952)

Disokongan oleh : En. Zaki bin Sulaiman (1660)

- 2.5 En. Tajudin bin Md. Isa (10000019) merujuk perkara 9.15 dan menyoal sama ada Laporan Kewangan 2022-2023 telah diaudit oleh Juru Audit luar yang bertauliah. Tn. YDP Hj Wan Abdullah Shahir menyatakan bahawa, sehingga hari ini, tiada peruntukan dalam undang-undang pertubuhan dan Perlembagaan Badan Kebajikan Salatullahim yang mewajibkan laporan kewangan pertubuhan diaudit oleh Juru Audit luar yang bertauliah. Namun, Tn. YDP Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid menyatakan bahawa orang awam boleh mengaudit laporan kewangan pertubuhan kerana ianya merupakan dokumen awam. En. Tajudin bin Md. Isa mencadangkan agar Juru Audit luar yang bertauliah dapat dilantik bagi mengaudit laporan kewangan pertubuhan walaupun tiada peruntukan yang mewajibkannya berdasarkan rujukan beliau terhadap pertubuhan-pertubuhan lain di Malaysia dan Badan Kebajikan Salatullahim memegang amanah wang orang ramai dalam jumlah yang besar. Tn. YDP Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid mengambil cadangan tersebut dan meminta agar cadangan tersebut dijadikan sebagai usul tambahan semasa perbincangan usul nanti.
- 2.6 En. Zulkarnain bin Yakub (1712) merujuk muka surat 39 dan menyatakan bahawa kehadiran beliau tidak dicatat. Tn. YDP Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid memaklumkan

bahawa Senarai Kehadiran diterima dengan pindaan memasukkan nama En. Zulkarnain di dalam Minit Kehadiran Mesyuarat Agung Badan Kebajikan Salatullahim Kampung Pandan (BKS) kali ke-26 2022/2023.

- 2.7 En. Ab. Jalel bin Md Sanin (0037) merujuk perenggan 2.5 dan menyatakan bahawa beliau merupakan ahli yang terlibat dalam membuat aduan kepada ROS seperti yang dinyatakan oleh Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid dalam ucap tama beliau dan menyatakan bahawa beliau bukan mencabar pelantikan barisan kepimpinan Badan Kebajikan Salatullahim, tetapi mencabar tindakan Badan Kebajikan Salatullahim yang tidak berlandaskan undang-undang. En. Ab. Jalel telah membacakan surat status siasatan ROS kepada aduan yang telah dibuat oleh beliau bertarikh 2 Januari 2024 dimana ROS mendapati Badan Kebajikan Salatullahim telah melanggar beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Badan Kebajikan Salatullahim. Surat jawapan tersebut juga menyatakan bahawa Notis Tunjuk Sebab telah dihantar kepada barisan kepimpinan Badan Kebajikan Salatullahim. Tn. YDP Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid telah menjawab kenyataan yang dibuat oleh En. Ab. Jalel bin Md Sanin bahawa barisan kepimpinan Badan Kebajikan Salatullahim telah menerima Notis Tunjuk Sebab daripada ROS yang bertarikh 5 Januari 2023, dan menyatakan bahawa Notis Tunjuk Sebab tersebut telah dijawab pada 5 Februari 2024 berserta dokumen-dokumen bukti sokongan kepada ROS.
- 2.8 Tn. YDP Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid juga memaklumkan bahawa semua tindakan barisan kepimpinan Badan Kebajikan Salatullahim selama ini adalah berlandaskan hasil mesyuarat-mesyuarat yang lalu bagi mengemaskini Perlembagaan Badan Kebajikan Salatullahim yang kali terakhir dikemaskini pada tahun 1997, dan tindakan-tindakan tersebut adalah seiring dengan peruntukan dalam Perlembagaan Badan Kebajikan Salatullahim.

MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN

3.0 Membentangkan dan Mengesahkan Laporan Aktiviti Badan Kebajikan Salatullahim bagi tempoh 2022/2023

- 3.1 Tuan Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid, telah membentangkan Laporan Aktiviti Badan Kebajikan Salatullahim bagi tahun 2022/2023 dari muka surat 18-28.
- 3.2 Laporan Aktiviti telah dicadangkan untuk disahkan serta disokong oleh :

Dicadang oleh : En. Samshor Baharin Bin Shamin (0952)
Disokong oleh : Pn. Noraziah Bt Hj. Amir (0407)

MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN

4.0 Membentangkan dan Meluluskan Penyata Kewangan Badan Kebajikan Salatullahim bagi tempoh 2022/2023

4.1 Laporan Kewangan Badan Kebajikan Salatullahim telah dibentangkan oleh Tn. Hj. Saleh bin Husin selaku Bendahari bagi tempoh 2022/2023 seperti lampiran yang disediakan dari muka surat 29-32.

4.2 Laporan Penyata Kewangan Badan Kebajikan Salatullahim 2022 dan 2023 telah dicadangkan untuk disahkan serta disokong seperti berikut :

Dicadang oleh : Pn. Noraziah Bt Hj. Amir (0407)
Disokongan oleh : Muhammad Shukri bin Husin (2445)

4.3 En. Ab. Jalel bin Md Sanin (0037) telah merujuk muka surat 30 dan bertanyakan tentang cara pengiraan bayaran saguhati pemungut yuran. Tn. Bendahari Hj. Saleh bin Husin menyatakan bahawa cara kiraan bayaran tersebut ialah 20% daripada jumlah yuran ahli bagi tahun berkenaan. En. Ab. Jalel bin Md. Sanin seterusnya menanyakan jumlah terkini ahli Badan Kebajikan Salatullahim bagi 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid menyatakan jumlah ahli boleh dirujuk daripada jumlah kutipan yuran ahli bagi tahun tersebut.

MEMBENTANG DAN PERBAHASAN USUL

5.0 Membentang dan mencadangkan Usul

5.1 Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid memaklumkan bahawa cadangan untuk usul telah dibuka kepada ahli Badan Kebajikan Salatullahim dalam tempoh sebulan, dan hanya terdapat tujuh (7) usul, dengan enam (6) usul diterima untuk dibentangkan. Rujuk muka surat 33-38 dan satu (1) usul ditolak.

5.2 Usul 1 oleh Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim yang mengusulkan mengambil tindakan tatatertib secara mengeluarkan Notis Tunjuk Sebab. Ahli Mesyuarat bersetuju sebulat suara tindakan tatatertib secara pengeluaran surat tunjuk sebab kepada ahli dan/atau tindakan pemecatan terhadap seseorang ahli dari pertubuhan apabila ahli tersebut didapati melanggar perlembagaan Badan Kebajikan Salatullahim dan/atau tidak menghormati terhadap keputusan yang diambil didalam Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa dan Jawatankuasa Kerja Pertubuhan

dan/atau didakwa oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Usul ini telah diterima sebulat suara.

- 5.3 Usul 2 oleh Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim yang mengusulkan Badan Kebajikan Salatullahim perlu meminda Mesyuarat Agung Tahunan diadakan pada bulan Jun bagi memastikan mempunyai masa untuk mengadakan Aktiviti dan menyediakan Laporan Aktiviti serta Laporan Kewangan. Usul 2 ini juga menyentuh untuk meminda tempoh Mesyuarat Agung dari dua (2) tahun ke tempoh tiga (3) tahun bagi memastikan kelancaran pentadbiran jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim. Usul ini telah dicadangkan untuk diterima oleh En. Zaki bin Sulaiman (1660) dengan meminda tempoh Mesyuarat Agung Pemilihan kepada tempoh empat (4) tahun bagi memberi ruang pentadbiran jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim menjalankan aktiviti seperti yang dirancang dengan baik. Cadangan tersebut telah disokong secara sebulat suara oleh ahli mesyuarat.
- 5.4 Usul 3 oleh Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim yang mengusulkan Notis Panggilan Mesyuarat, Laporan Kewangan, Laporan Aktiviti dan Usul untuk mesyuarat yang akan datang boleh dihantar melalui media digital dan elektronik. Usul ini telah diterima sebulat suara oleh ahli mesyuarat.
- 5.5 Usul 4 oleh Ahli Jawatankuasa yang mengusulkan Badan Kebajikan Salatullahim akan membekalkan Perlembagaan Pertubuhan secara salinan lembut ('softcopy') melalui media digital dan elektronik kepada ahli Badan Kebajikan Salatullahim. Manakala untuk salinan cetak ('hardcopy') akan diberikan kepada ahli yang berminat dengan dikenakan bayaran sebanyak RM30.00 (Tiga Puluh Ringgit). Usul ini telah diterima sebulat suara oleh ahli mesyuarat.
- 5.6 Usul 5 oleh Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim yang mengusulkan agar segala usul yang telah diterima melalui Mesyuarat Agung kali ke-26 pada tahun 2022 diterima semula sebagai usul di dalam Mesyuarat Agung ini. Usul ini telah diterima sebulat suara oleh ahli mesyuarat dengan meminta agar pindaan ini dapat dipercepatkan.
- 5.7 Usul 6 oleh En Roshdi Shamsuddin (1536) yang mengusulkan pengurangan komisyen kepada pemungut bayaran keahlian tahunan Badan Kebajikan Salatullahim daripada 20% kepada 5%, dan mencadangkan supaya pemegang jawatan yang dipertandingkan tidak boleh menjawat jawatan yang sama melebihi dua (2) penggal perantakan. Kedua-dua usul ini telah ditolak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk bil. 1/2024 kerana bertentangan dengan Perlembagaan Pertubuhan.
- 5.8 Usul 7 oleh Reduan bin Ramli (2177) yang mengusulkan agar Badan Kebajikan Salatullahim menyediakan satu carta alir atau prosedur lengkap perkara yang perlu diambil apabila berlaku kematian, bermula daripada pemakluman kepada pihak Badan Kebajikan Salatullahim sehingga selesai pengebumian. Usul ini telah diterima

sebulat suara dengan tindakan segera oleh Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullah yang dilantik kelak.

- 5.9 En. Tajudin bin Md. Isa (10000019) mencadangkan melalui usul tambahan agar juruaudit bertauliah dapat dilantik bagi mengaudit Laporan Penyata Kewangan Badan Kebajikan Salatullah agar laporan tersebut tidak diragui dan dipertikaikan dan disokong oleh En. Zulkarnain bin Yakub (1702). Usul ini telah diterima sebulat suara oleh ahli mesyuarat

PEMBUBARAN JAWATANKUASA BADAN KEBAJIKAN SALATULLAH 2022/2023

6.0 Pembubaran Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullah 2022/2023

- 6.1 Tn YDP Badan Kebajikan Salatullah, Hj Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd Hamid mengumumkan pembubaran Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullah 2022/2023 untuk memberi laluan kepada pemilihan jawatankuasa yang baru bagi sesi 2024/2025.

PEMILIHAN JAWATANKUASA 2024/2025

7.0 Pelantikan Pengerusi Sementara

- 7.1 Mantan Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullah, Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid telah dilantik sebagai Pengerusi Sementara bagi mengendalikan mesyuarat pemilihan dan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

8.0 Pemilihan Jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullah 2024/2025

- 8.1 Tn. Hj. Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid memaklumkan bahawa berdasarkan kepada Peruntukan Perkara 12 Perlembagaan Badan Kebajikan Salatullah, jawatan-jawatan yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- 8.1.1 Yang Dipertua
- 8.1.2 Timbalan Yang Dipertua
- 8.1.3 Setiausaha
- 8.1.4 Penolong Setiausaha
- 8.1.5 Bendahari
- 8.1.6 8 AJK
- 8.1.7 2 orang Pemerika Kira-kira

- 8.2 En. Zulkarnain bin Yakub (1702) telah mencadangkan agar semua ahli jawatankuasa 2022/2023 dikekalkan. Cadangan ini telah diterima oleh ahli mesyuarat sebulat suara dengan syarat bagi mana-mana ahli jawatankuasa yang ingin melepaskan jawatan dan

menarik diri bolehlah dilakukan sedemikian.

- 8.3 Hj. Norman bin Tumiran (0129) mantan Setiausaha; Hj. Saleh bin Husin (0100) mantan Bendahari, dan Tn. Hj. Md. Noor (1338) mantan Pemeriksa Kira-kira 1 telah menarik diri daripada jawatankuasa 2024/2025.
- 8.4 Hj. Norman bin Tumiran (0129) mencadangkan agar Hj. Mohd Rozi bin Paimin (0217) sebagai Bendahari, dan disokong oleh En. Marzuki Samsuddin (1068) disokong oleh ahli mesyuarat sebulat suara.
- 8.5 Hj. Norman bin Tumiran (0129) mencadangkan agar En. Ahmad bin Dellah (2055) dilantik oleh mesyuarat sebagai Setiausaha bagi tempoh 2024/2025 dan disokong oleh ahli mesyuarat sebulat suara.
- 8.6 Zaidi Bin Omar (1518) mencadangkan agar Hj. Saleh bin Husin (0100) dilantik oleh mesyuarat sebagai ahli jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim bagi tempoh 2024/2025 serta disokong oleh ahli mesyuarat sebulat suara.
- 8.7 Zaidi Bin Omar (1518) mencadangkan agar En. Azli bin Abdul Manan (2357) dilantik menjadi Pemeriksa Kira-kira 1 bagi penggal 2024/2025 dan telah disokong oleh Mohd Rahmat bin Ismail (0387) serta disokong oleh ahli mesyuarat sebulat suara.
- 8.8 Zaidi Bin Omar (1518) mencadangkan agar En. Salehuddin bin Abdullah (2665) dilantik oleh ahli mesyuarat sebagai Pemeriksa Kira-kira 2 bagi tempoh 2024/2025 serta disokong oleh ahli mesyuarat sebulat suara.
- 8.9 Senarai ahli jawatankuasa baharu yang terpilih semasa Mesyuarat Agung secara undian oleh ahli-ahli adalah seperti dalam **Lampiran 2**.

UCAPAN PENANGGUHAN

9.0 Ucapan Penangguhan Wakil Meyuarat:

- 9.1 En. Izwan (0095) mencadangkan agar jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim dapat mengemaskini Perlembagaan Badan Kebajikan Salatullahim dengan memasukkan peruntukan-peruntukan berikut:
 - 9.1.1 Mewajibkan perlantikan juruaudit bertauliah;
 - 9.1.2 Jumlah bayaran yuran sebanyak RM50.00 setahun; dan
 - 9.1.3 Kuasa ahli Jawatankuasa untuk mengeluarkan ahli yang membuat kekecohan semasa mesyuarat sedang dijalankan serta tidak menghormati mesyuarat. Perkara ini adalah

suatu yang serius bagi memastikan hak semua ahli dapat dijamin, bukan kerana kehendak seorang dua yang tidak berpuashati boleh dibiarkan merosakkan pertubuhan ini.

10.0 Ucapan Penangguhan

- 10.1 Tuan Yang Dipertua Badan Kebajikan Salatullahim 2024/2025, Hj Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid, mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli jawatankuasa 2022/2023 atas komitmen yang diberikan. Segala pandangan, cadangan dan teguran yang dibuat adalah untuk penambahbaikan dan dipertimbangkan oleh jawatankuasa.
- 10.2 Tn. Hj Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid berharap agar semua ahli Badan Kebajikan Salatullahim dapat menggunakan saluran yang tepat dan betul sekiranya terdapat sebarang aduan atau teguran kepada jawatankuasa Badan Kebajikan Salatullahim, seperti melalui Mesyuarat Agung atau kertas-kertas cadangan yang boleh diserahkan di pejabat Badan Kebajikan Salatullahim, bagi memastikan kelancaran Badan Kebajikan Salatullahim di masa akan datang.
- 10.3 Tn. Hj Wan Abdullah Shahir bin Wan Abd. Hamid menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Badan Kebajikan Salatullahim.

Mesyuarat Agung ditangguhkan pada jam 12.56pm.